

JPA siar nama pegawai ponteng

B.H m/s 3 23.1.07

Tujuh hari tempoh lapor diri elak kena pecat

Oleh Farrah Naz Karim

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan mendedahkan nama kakitangan kerajaan yang ponteng atau menghilangkan diri tanpa kebenaran (AWOL) di akhbar tempatan sebagai tindakan terhadap perbuatan tidak bertanggungjawab individu terbabit.

Ketua Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Hasniah Rashid, berkata JPA akan menyiarkan nama, jawatan dan alamat penjawat awam yang didapati ponteng daripada bertugas di sekurang-kurangnya sebuah akhbar tempatan berbahasa Melayu dengan pasaran meluas di seluruh negara.

"Hampir setiap minggu kita mempunyai kes kakitangan awam ponteng atau tidak memaklumkan majikan mengenai ketidakhadiran mereka.

"Sehingga kini, daripada semua kesalahan serius yang dilakukan kakitangan awam, tindakan ponteng mendahului senarai.

"Mereka mungkin secara senyap-senyap menguruskan perniagaan, menghadapi masalah peribadi atau khayal kerana dadah," katanya kepada *New Straits Times* (NST) di sini, semalam.

Terdahulu, pejabat cawangan NST di sini, menerima panggilan daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) yang bertanya mengenai cara menyiarkan iklan mengandungi nama kakitangan awam yang didapati ponteng atau tidak datang bertugas tanpa kebenaran dalam akhbar terbitan kumpulan.

Hasniah berkata, tindakan menyiarkan nama kakitangan awam yang ponteng di akhbar berbeza daripada pendekatan menghantar surat peringatan atau notis yang dilakukan

sebelum ini.

"Kakitangan awam yang namanya disiarkan di akhbar tempatan diberi tempoh tujuh hari untuk melapor diri atau kembali bertugas. Jika gagal berbuat demikian, individu terbabit menghadapi tindakan digugurkan secara automatik daripada perkhidmatan awam.

"Selain itu, mereka juga tidak berhak menerima pencen walaupun berkhidmat lama dalam jabatan," katanya.

Hasniah berkata, kakitangan ponteng yang memilih untuk kembali bertugas juga akan menghadapi tindakan disiplin tegas termasuk dikenakan potongan gaji, tiada kenaikan pangkat dan turun pangkat.

Beliau berkata, menjadi tanggungjawab ketua jabatan untuk memantau tindakan kakitangan yang ponteng atau tidak hadir tanpa kebenaran.